

Universiade 2013: Tiada sasaran pingat acara 'lompat'

Oleh SHANIKA ABDULLATIB
shanika.latib@kosmo.com.my

JURULATIH skuad olahraga, Mohd. Mansahar Abd. Jalil tidak mahu meletakkan sebarang sasaran ke atas dua atletnya yang bakal beraksi pada Sukan Universiti Dunia (Universiade) 2013 di Kazan, Rusia bulan depan.

Ini kerana, Mansahar tidak mahu memberi tekanan kepada Noor Amira Mohd. Nafiah yang beraksi dalam acara lompat kijang dan Nauraj Singh Randhawa (lompat tinggi), sambil menyedari peluang mereka meraih pingat agak tipis.

"Berbeza pada Universiade sebelum ini, saya berani meletakkan sasaran pingat kerana kita mempunyai atlet berpotensi seperti Roslinda Samsu dalam acara lompat bergalah.

"Pengalamannya luas dalam kejohanan antarabangsa, malah sebelum menyertai Universiade, dia sudah pun meraih pingat dalam beberapa kejohanan antarabangsa," jelas Mansahar kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Mansahar menambah, Universiade boleh dianggap pentas berprestij bagi atlet yang bergelar penuntut universiti.

"Jika kejohanan di peringkat Asia, saya berani mensasarkan sekurang-kurang satu pingat berdasarkan pencapaian semasa mereka.

"Bagaimanapun, untuk peringkat dunia, lebih-lebih lagi melibatkan peserta Eropah, peluang itu agak tipis walaupun ia bukan sesuatu yang mustahil untuk dilakukan," katanya yang bertanggungjawab membimbing atlet bagi acara lompatan.

Begitupun, Mansahar tetap menaruh keyakinan Noor Amira dan Nauraj yang membuat penampilan sulung pada temasya itu, mampu untuk sekurang-kurangnya mem-

perbaiki catatan peribadi terbaik.

"Kita mahu menjadikan Universiade sebagai pendedahan dan secara peribadi, seandainya mereka dapat mengatasi rekod kebangsaan atau rekod peribadi, itu sudah satu kejayaan," jelasnya.

Sebagai rekod, Noor Amira berjaya merekodkan catatan terbaik iaitu 13.93 meter (m) pada Kejohanan Olahraga Terbuka Kuala Lumpur baru-baru ini.

"Catatan itu bukan sahaja memecahkan rekod kebangsaan, malah melayakkan Noor Amira beraksi pada Sukan SEA di Myanmar penghujung tahun ini.

"Catatan itu juga meletakkan Noor Amira di tangga keenam terbaik di Asia," ujar Mansahar mengenai pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) itu.

Seramai lapan atlet olahraga menjadi sandaran kontinjen Malaysia pada Universiade kali ini.

Selain Noor Amira dan Nauraj, enam lagi atlet ialah S. Kannan (100m), S. Kannathasan (400m), Mohd. Arif Zulhilmi Alet (400m), Adi Aliffuddin Hussin (lontar peluru), Raja Nursheena Raja Azhar (100m lompat berpagar) serta Zaidatul Husna Zulkifli untuk acara 100 dan 200m).